

## **RETORIK MUBALAGHAH DALAM TAUKID KIASAN BAHASA MELAYU**

Abu Hassan Abdul  
*ahassan@fbk.upsi.edu.my*

*Wahibah Twahir*

*Muhammad Hakim Kamal*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

### **ABSTRAK**

Konsep taukid merupakan persoalan linguistik yang amat jarang dikaji dalam bidang pengajian Melayu. Hakikat ini kerana elemen taukid lebih banyak dibincangkan sebagai partikel penegas dalam ilmu nahuan dan balaghah Arab. Dalam bahasa Melayu, seni taukid bukan sahaja wujud dalam tatabahasa sebagai frasa penguat, penegas dan penekan, tetapi juga dalam seni retorik. Tetapi perbincangan secara tuntas akan bentuk dan fungsi taukid sebagai seni retorik Melayu belum berkembang luas dalam tradisi ilmiah di Nusantara. Makalah ini meneliti 20 taukid bentuk kiasan dalam novel dan teks Hikayat Hang Tuah khususnya jenis kiasan di awal ayat dan di akhir ayat. Penelitian ini bagi membuktikan keunikan taukid kiasan serta memberi persepsi baharu terhadap konsep taukid dalam bahasa Melayu daripada bentuk nahuan yang terhad dan statik kepada bentuk kiasan yang lebih komprehensif sekali gus memperluas cakupan ilmu dalam bidang retorik Melayu. Kajian berbentuk kualitatif ini berpandukan ilmu balaghah Arab yang telah dimodifikasi sesuai dengan pola fikir dan budaya masyarakat Melayu. Analisis membuktikan taukid jenis kiasan menyamai konsep mubalaghah dalam ilmu badi' yang bertujuan mengindahkan makna secara hiperbola sama ada dalam bentuk tersurat, tersirat, boleh diterima akal atau tidak mungkin berlaku dalam kehidupan normal. Dengan peluasan rumus seperti ini, fungsi taukid sebagai seni retorik Melayu akan menyerlahkan nilai baharu yang lebih mekar dalam pengajian Melayu kontemporari.

**Kata Kunci :** *Taukid, bahasa Melayu, retorik, komunikasi Melayu*

### **Pengenalan**

Salah satu disiplin penting dalam pengajian linguistik tetapi kurang diberi perhatian dalam tradisi ilmiah di Nusantara ialah berkaitan ilmu retorik Melayu atau ilmu balaghah Melayu. Sejak beberapa lama persoalan ini kurang dibincangkan secara serius, malah dalam kebanyakan seminar berkaitan bahasa dan kesusasteraan Melayu, isu retorik kurang menarik minat para pengkaji seolah-olah disiplin ini tidak dianggap penting dalam kosmologi ketamadunan Melayu. Kajian-kajian bersifat merentas bidang kurang menumpukan usaha memartabatkan keilmuan ini supaya seni retorik Melayu akhirnya menjadi disiplin ilmu yang dapat dipelajari secara sistematik serta boleh dimanfaatkan dalam pendidikan bahasa Melayu sebagaimana meluasnya pendidikan dalam

ilmu balaghah Arab. Antara aspek penting dalam studi nahuan dan balaghah Arab yang berpotensi untuk dikembangkan dalam pengajian retorik Melayu ialah konsep taukid. Dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, konsep taukid lebih banyak dibincangkan sebagai partikel penguat, penegas atau pewatas dalam rumus tatabahasa berbanding dalam seni retorik. Artikel ini cuba meneroka dimensi baharu berkaitan taukid kiasan dan hubungannya dengan mubalaghah yang terdapat dalam bahasa Melayu dengan tujuan memperkasa seni retorik Melayu yang selama ini terpinggir dalam diskusi-diskusi ilmiah.

## **Latar Belakang**

Dalam pengajian bahasa Arab, taukid dibincangkan dalam ilmu nahuan dan balaghah berfungsi sebagai penegas bagi menghilangkan keraguan dan menyakinkan pendengar terhadap sesuatu ujaran, mengukuhkan kandungan ayat al-Quran dan menampilkan keistimewaan uslub gaya bahasa al-Quran (al-Mugihray, 1990). Balaghah bererti sampai, manakala dari segi makna balaghah merujuk penyampaian makna yang indah dengan menggunakan ungkapan yang betul, fasihah serta memberi kesan terhadap jiwa pendengar sesuai dengan situasi semasa (Abdul Wahid, 2006). Dengan maksud lain, balaghah merupakan seni mengutamakan gaya bahasa yang indah dalam pelbagai bentuk. Maksud pemakaian bahasa di sini tidak hanya mencakupi aspek linguistik, tetapi juga ciri lain berupa penyusunan masalah yang digarap dalam suatu susunan makna yang teratur dan logik.

Pengertian ini menurut Amida (2014) hampir menepati definisi rhetoric iaitu berkaitan mutu keperkasaan pengucapan dan penulisan yang dicapai melalui pemakaian bahasa yang bersesuaian pada tempat dan ketikanya untuk memenuhi sesuatu matlamat komunikasi berkenaan. Sebelum retorik Barat berkembang di Nusantara, ulama-ulama Melayu dipengaruhi oleh gaya balaghah Arab dalam penulisan kitab-kitab Jawi seperti yang terpancar dalam Tuhfat al-Nafis, Aqa'id al-Nasafi, Bustanul Katibin, mahupun dalam Hikayat Hang Tuah atau Sulatus Salatin. Walaupun pengaruh balaghah Arab sudah lama mempengaruhi penulisan kitab-kitab Jawi ketika itu, tetapi belum ditemui kitab khusus yang membincangkan ilmu balaghah Melayu. Kemungkinan kitab seumpama ini pernah ditulis tetapi musnah kerana peperangan atau sebab-sebab lain tidak dinafikan. Apa yang jelas selama berabad-abad ilmu balaghah mendominasi pengajian agama dan bahasa Arab di pondok-pondok, pesantren dan sekolah-sekolah diniyyah, namun selepas zaman penjajahan fenomena ini tidak begitu mempengaruhi sistem bahasa dan kesusasteraan Melayu moden di Nusantara. Sejarah menunjukkan selepas era penjajahan, hampir setiap disiplin bahasa Melayu dipengaruhi oleh teori linguistik dan kesusasteraan Barat termasuklah dalam bidang retorik. Pemahaman, cakupan dan definisi ilmu dalam disiplin ini masih dalam kerangka lama bersandarkan pandangan Aristotle, Francis Bacon, Francis Christensen, Hugh Blair, Richard M Weaver, Kenneth Burke atau Richard Whately yang tidak dapat dipisahkan dengan konsep ethos, pathos dan logos dari tradisi retorik Yunani dan Greek (Amida, 2010).

Sejarah juga memaparkan kekuatan sastera lisan Melayu yang sangat rimbun dengan ciri-ciri retorik tidak dipandang tinggi oleh Winstedt dan Wilkinson yang banyak meneliti tentang bahasa dan kesusasteraan Melayu klasik. Pandangan sempit Wintedt dan Wilkinson dan lain-lain pengkaji Eropah terhadap sastera lisan rupanya dipengaruhi oleh pandangan Barat era penjajahan yang hanya menerima kesusasteraan tertentu sebagai canon sastera Melayu dan tidak mengiktiraf sastera lisan sebagai warisan penting sesuatu tamadun (Arndt Graf, 2002). Tragedi ini berlanjutan sehinggalah Za'ba menulis Ilmu Mengarang Melayu (1934) dengan memberi huraian tentang konsep kepengarangan Melayu. Za'ba mengemukakan sejumlah ayat, ungkapan dan wacana yang

hakikatnya membawa ciri balaghah, tetapi kajian linguistik dan kesusasteraan Melayu gagal melihatnya dalam konteks balaghah. Para pengkaji bahasa lebih cenderung menilai karya tersebut dari sudut pendidikan kepengarangan, sedangkan pandangan Za'ba menerusi karya tersebut menyorot gagasan ilmu yang lebih luas daripada hanya persoalan mengarang. Hanya pada tahun 1995 iaitu setelah 61 tahun karya tersebut diterbitkan, Hashim Awang (1995) dan Asmah (2014) menobatkan Ilmu Mengarang Melayu sebagai mencerminkan konsep retorik Melayu.

Dalam karya tersebut, Za'ba menggunakan istilah 'kiasan' dengan menyenaraikan sejumlah bahasa kiasan seperti kiasan berbunga, kiasan pemanis, kiasan melompat, kiasan berpindah, kiasan bersajak, kiasan berkacau, kiasan berpindah, selain mengutarakan ragam bahasa, iaitu bahasa sindiran, bahasa tempelak, bahasa herdik, bahasa terbalik, bahasa melampau dan lain-lain (Za'ba, 1934). Meskipun pendeta Za'ba telah memberi asas penting berkaitan ilmu retorik tetapi hakikatnya retorik Melayu belum menjadi satu disiplin ilmu yang kukuh dan berpengaruh dalam pengajian Melayu kontemporari. Permasalahan ini antaranya kerana tulisan Za'ba dalam Ilmu Mengarang Melayu masih pada peringkat asas. Karya tersebut memerlukan penjelasan dari segi falsafah, prinsip ilmu, pemetaan ranting-ranting ilmu yang lebih terperinci, serta tentu sekali sebuah teori yang mampu menjawab pelbagai fenomena berkaitan konsep retorik Melayu (Abu Hassan, 2015).

### **Permasalahan Taukid Dalam Bahasa Melayu**

Taukid berasal dari kata akar bahasa Arab (وَكَّدَ-يُوكِّدُ-تَوْكِيدًا) yang bererti menguatkan, meneguhkan dan menetapkan (E.W. Lane, 1984). Pakar balaghah Arab seperti Abd Qahir al-Jurjani membahagikan taukid kepada lafzi dan maknawi. Kedua-dua aspek tersebut berperanan mengukuhkan situasi dan kondisi sesuatu kebenaran atau khabar dari sudut nahuan mahupun balaghah (AM Hidayatullah, 2004). Dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, taukid merangkumi kata penguat, penegas, penekan dan pewatas. Dari sudut tatabahasa Melayu, Nik Safiah Karim et al. (2013) mengklasifikasikan kata penguat sebagai kata tugas, iaitu perkataan yang tergolong dalam golongan kata yang bersifat pelbagai jenis atau heterogen, iaitu tidak boleh menjadi unsur inti bagi frasa-frasa endosentrik: frasa nama, frasa kerja dan frasa adjektif. Kata tugas hadir dalam ayat, klausa, atau frasa untuk mendukung sesuatu tugas sintaksis tertentu.

Dalam erti lain, kata penguat ialah perkataan yang mendahului atau mengikuti frasa atau kata adjektif dan berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam kata atau frasa adjektif. Kata penguat dalam bahasa Melayu dibahagikan kepada tiga jenis, kata penguat hadapan, kata penguat belakang dan kata penguat bebas. Kata penguat hadapan ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa atau kata adjektif seperti *terlalu tinggi*, *paling sedap*, *cukup indah* dan *makin mahal*. Kata penguat belakang pula ialah perkataan yang letaknya di belakang kata adjektif seperti *baik sekali*, *lambat benar*, *indah nian* dan *buruk betul*. Manakala kata penguat bebas ialah perkataan yang kedudukannya lebih bebas, iaitu sama ada di hadapan atau di belakang kata adjektif seperti *amat* kemas atau kemas *amat*, *sungguh* indah atau indah *sungguh*. Kata penguat *amat*, *sangat*, *sungguh*, dan *begitu* semuanya boleh digunakan serentak dengan kata penguat *sekali*. Contohnya; permandangan dari bukit itu *amat* cantik *sekali*. Namun begitu, menurut Nik Safiah et al. (2013), penanda darjah penghabisan *ter-*, *paling* dan *sekali* tidak boleh hadir serentak dalam satu binaan ayat.

Dalam Tatabahasa Baku Bahasa Indonesia, Hassan Alwi et al. (2000) mengertikan kata penguat *sangat*, *paling*, *agak* atau *lebih* sebagai 'pewatas adjektiva' dengan memberi contoh *sangat* menarik, *paling* memikat atau *sangat* menakutkan. Asmah Haji Omar (2009) pula

mengkategorikan kata penguat sebagai frasa perbandingan yang letaknya di bawah frasa sifat selapis. Frasa perbandingan ialah frasa sifat yang menyatakan perbandingan antara dua atau tiga proposisi.

Sesuatu ciri sifat tertentu diletakkan dalam satu skala tatatingkat yang menunjukkan ciri lebih, ciri kurang atau sebagainya. Kata penguat diletakkan di bawah tingkat kesangatan. Tingkat kesangatan ini tarafnya sama dengan tingkat kelebihan. Frasa sifat dalam tingkat kesangatan adalah seperti *sangat baik, amat jahat, bagus sekali* dan sebagainya. Partikel penegas ialah perkataan yang memberi penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat. Terdapat dua jenis partikel penegas seperti yang hanya menegaskan frasa predikat atau bahagiannya, contohnya *-kah, -lah, dan -tah*. Kedua; yang menegaskan frasa nama sebagai subjek atau bahagiannya dan frasa predikat atau bahagiannya, contohnya *juga, jua, sahaja, hanya, pun, lagi, dan memang*. Sementara kata penekan tergolong dalam kata tugas yang berfungsi sebagai penegas. Misalnya, partikel [*-nya*] sebagai kata penekan memberi penegasan kepada kata yang bergabung dengannya seperti 'Sesungguhnya [*nya*] Ali telah mempamerkan akhlak yang baik'.

Menyentuh taukid kiasan dalam bahasa Melayu, perbincangan mengenainya masih terkebelakang berbanding disiplin linguistik yang lain. Hal ini menunjukkan betapa perlu kajian mengenainya diterokai kerana taukid berkias sudah lama berkembang subur dalam sosiobudaya Melayu sebagai ciri keindahan bahasa, seterusnya bercambah pemakaiannya dalam pelbagai gaya penulisan novel, cerpen dan genre media sosial dewasa ini.

Jika diteliti, terdapat dua isu pokok berkaitan konsep taukid dalam bahasa Melayu, iaitu ayat dalam bahasa Melayu moden lebih mengutamakan taukid nahuan yang difahami maknanya secara harfiah, sebaliknya ayat dalam bahasa Melayu klasik mengunapakai kedua-dua bentuk taukid, baik bentuk harfiah mahupun kiasan. Dua isu ini mengundang pertanyaan - bolehkah perkara ini diselesaikan melalui kerangka ilmu Melayu? Hal ini penting dikupas kerana elemen kiasan begitu dekat dengan jiwa penutur Melayu sejak ratusan tahun di mana terdapat pelbagai gaya komunikasi Melayu dalam memperkuat sesuatu makna, tetapi kajian linguistik moden lebih terikat dengan teori-teori semantik atau pragmatik universal apabila menganalisis unsur kiasan dalam bahasa Melayu dan meminggirkan perspektif ilmu retorik.

Punca utama longlainya minat dalam kalangan pengkaji bahasa terhadap studi retorik mungkin disebabkan ketandusan ahli-ahli bahasa Melayu yang memahami bahasa Arab tinggi seperti Za'ba, Raja Ali Haji, Abdullah Abdur Rahman, selain kurangnya kajian-kajian bersifat merentas bidang melibatkan bahasa Melayu dan bahasa Arab. Sementara pada satu sisi pula, perkembangan ilmu retorik moden sudah merentas kepada bidang bukan perse linguistik seperti media massa, seni lukis, fotografi, filem, teater dan sebagainya. Buku-buku gramatika kontemporari pula tidak banyak membicarakan makna kiasan dalam ayat kerana dianggap tidak tergolong dalam rumus nahuan.

Ketiadaan satu mekanisme yang intim dengan jiwa penutur Melayu untuk menjelaskan aspek seni balaghah Melayu menjadi sebab beberapa fenomena berkaitan erti keindahan dalam komunikasi Melayu gagal ditangani secara holistik. Jika dibandingkan pengajian bahasa dan kesusasteraan Arab, semua fenomena ini sudah diselesaikan secara ilmiah menerusi ilmu balaghah, iaitu ilmu berkaitan keelokan, kefasihan dan ketepatan bahasa yang boleh dihubungkan dengan ilmu nahu/sintaksis dan sorof/moforlogi (Balkis Hj Abu Bakar et al.,1999).

## Metodologi

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif dan analisis sejumlah ayat dalam novel terpilih dan juga teks Hikayat Hang Tuah (2000). Kajian ini bertujuan mengenal pasti fungsi mubalaghah dalam taukid kiasan dan menganalisis motif penggunaannya berdasarkan pola fikir dan budaya masyarakat Melayu. Mengingat luasnya perbincangan mengenai konsep taukid kiasan dalam bahasa Melayu, makalah ini menghadkan kepada 20 sampel ayat berunsur taukid dalam pelbagai bentuk gaya bahasa kiasan. Kajian ini berlandaskan ilmu balaghah Arab, khususnya aspek mubalaghah dalam aspek ilmu badi' علم البديع dengan tumpuan kepada frasa kiasan pada awal dan akhir ayat atau gabungan kedua-duanya.

## Taukid Kiasan dan Mubalaghah

Menurut Ḥusayn (1984), partikel taukid dalam bahasa Arab mempunyai perkaitan dengan *uslūb khabar* yang bermaksud “gaya bahasa dalam penyampaian sesuatu berita”. Majoriti sarjana Arab seperti al-Sakkākiy (1983), Ḥusayn (1984) dan al-Marāghiy (1993) menegaskan bahawa penerapan partikel taukid dalam sesuatu berita itu bergantung pada keadaan pendengar. Jika pendengar dalam keadaan *ibtidā'iy* (tidak mengetahui tentang berita), maka berita itu akan disampaikan kepadanya tanpa sebarang penerapan partikel taukid (Ḥusayn, 1984). Hal ini kerana pendengar mempercayai berita yang disampaikan tanpa sebarang persoalan (al-Rahman, t.th).

Sekiranya pendengar dalam keadaan *ṭalabiy* (berasa sangsi terhadap kebenaran berita) maka, penutur akan menggunakan satu partikel taukid dalam penyampaian berita itu (al-Sakkākiy, 1983). Partikel taukid tersebut bertujuan menghilangkan keraguan dan menstabilkan emosi pendengar (Nurwahdi, 2016). Namun, sekiranya penutur menyampaikan sesuatu berita dan pendengar dalam keadaan *inkāriy* (tidak mempercayai kebenaran berita), maka dua partikel taukid atau lebih akan diguna pakai. Menurut al-Rahman (t.th), berita yang disampaikan kepada pendengar *inkāriy* mestilah mengandungi dua partikel taukid atau lebih, sesuai dengan tahap keraguannya terhadap berita tersebut.

Sebagai contoh, firman Allah SWT dalam surah *al-Hijr* ayat 9 menggunakan tiga partikel taukid untuk pendengar *inkāriy*. Menurut Ibn Āsyūr (1984) ayat berkenaan datang dengan partikel taukid bertujuan menolak dakwaan orang kafir Quraisy yang tidak mempercayai kebenaran berita yang terkandung dalam al-Quran. Partikel taukid (1) ditandai partikel *inna* (إِنَّ), taukid (2) ditandai partikel *inna* (إِنَّ) dan taukid (3) ditandai partikel *la* (لَا) seperti dalam ayat berikut:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

taukid 3 [*benar-benar*/لَا] taukid 2 [*sesungguhnya*/إِنَّ] taukid 1 [*sesungguhnya*/إِنَّ]

“*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya*” (*Al-Hijr* : 9).

Kajian selanjutnya mendapati terdapat beberapa bentuk taukid berkias dalam bahasa Melayu. Jika taukid nahuan menggunakan partikel harfiah untuk menegaskan makna ayat, maka taukid kiasan mengaitkan unsur tertentu untuk menyerlahkan elemen penegas. Pada situasi tertentu

taukid berkias mempunyai tatatingkat daripada makna sederhana berubah kepada makna bernuansa tegas sampai kepada makna yang lebih tegas dan seterusnya makna yang sangat pasti.

Dalam retorik Arab, kata mubalaghah secara leksikal diertikan sebagai hiperbola, kelampauan atau melebihi-lebihkan (Ahmad, 2017). Mubalaghah diertikan oleh Imam Akhdhori sebagai ekspresi ungkapan yang menggambarkan sesuatu hal sampai pada ukuran yang dipandang mustahil berlaku atau sukar untuk dibuktikan (Abdul Qodir Hamid, t.t). Menurut Imam As Suyuthi (2009) mubalaghah ialah jika seorang pembicara itu menyebutkan suatu sifat dan menambahkannya sehingga melebihi makna yang dikehendakinya.

Mubalaghah terbahagi kepada tiga bahagian, pertama; *tabligh* (التَّبْلِيغُ), iaitu suatu pernyataan yang mungkin boleh terjadi menurut akal dan adat kebiasaan manusia. Kedua; *iqhraq* (الإِعْرَاقُ), iaitu suatu pernyataan yang mungkin terjadi menurut akal, namun tidak mungkin terjadi menurut adat kebiasaan. Ketiga; *ghuluww* (الغُلُوبُ), iaitu suatu pernyataan yang berlebihan yang secara logik tidak mungkin boleh berlaku sama ada menurut adat kebiasaan atau akal normal.

### Taukid Kiasan Pada Awal Ayat

Berikut contoh taukid kiasan pada awal ayat dalam novel-novel terpilih dan kaitannya dengan aspek mubalaghah dalam ilmu Badi'.

**Jadual 1: Taukid Berkias Dengan Ciri Mubalaghah Pada Awal Ayat**

Kod	Taukid Kiasan Bahasa Melayu	Makna harfiah	Ciri Mubalaghah
1	<i>berpeluh</i> kami menjawab soalan yang susah itu	tekanan perasaan akibat soalan yang amat susah	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ التَّبْلِيغِ (ayat ini mengandungi <i>mubalaghah tabligh</i> /hiperbola yang difahami dan boleh berlaku)
2	<i>susah hendak dibayangkan</i> betapa dahsyat peristiwa 13 Mei 1959	peristiwa hitam yang sangat dahsyat	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ التَّبْلِيغِ (ayat ini mengandungi <i>mubalaghah tabligh</i> /hiperbola yang difahami dan boleh berlaku)
3	<i>mendidih darahku</i> tatkala mendengar kekejaman komunis	perasaan yang sangat marah	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ الإِعْرَاقِ (ayat ini mengandungi <i>mubalaghah iqhraq</i> /hiperbola yang difahami dan tidak boleh berlaku)
4	<i>hancur luluh hati</i> mak Busu melihat sikap anaknya yang lupa daratan	kekecewaan yang sangat mendalam	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ الإِعْرَاقِ (ayat ini mengandungi <i>mubalaghah iqhraq</i> /hiperbola yang difahami akal dan tidak boleh berlaku)
5	<i>berbueh mulut</i> kami menasihati si Mamat, tetapi dia tetap juga degil	sangat banyak bercakap	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ التَّبْلِيغِ (ayat ini mengandungi <i>mubalaghah tabligh</i> /hiperbola yang difahami dan boleh berlaku)

6	<i>kacang..!</i> , kata Ahmad bila mendengar teka teki yang diajukan oleh Ramuna	teka teki yang <i>sangat</i> senang	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ التَّبْلِيغِ (ayat ini mengandungi <i>mubalaghah tabligh</i> /hiperbola yang difahami dan boleh berlaku)
7	<i>Tuhan saja yang tahu</i> dalamnya cintaku padamu	rasa cinta yang <i>sangat</i> mendalam	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ التَّبْلِيغِ (ayat ini mengandungi <i>mubalaghah tabligh</i> /hiperbola yang difahami dan boleh berlaku)

Dapatan kajian menunjukkan perlakuan manusiawi seringkali dijadikan objek untuk berkias, baik secara nyata ataupun tersirat. Misalnya pada contoh 1, penutur menggunakan sifat berpeluh yang berasal daripada suatu cairan yang keluar melalui liang-liang di badan manusia akibat aktiviti metabolisme. Pada asalnya sifat berpeluh tidak membawa makna penegas, namun apabila dihubungkan dengan frasa selepasnya, maknanya berubah kepada melakukan sesuatu pekerjaan yang sangat sukar. Perubahan makna ini menunjukkan ciri balaghah dalam pola fikir penutur Melayu yang menghubungkan dua elemen bahasa yang berbeza daripada makna hakiki kepada makna kiasan bagi penegasan darjah maksimum, mengukuhkan kefahaman pendengar sampai ke lubuk hati paling dalam, dan sekali gus mengelak syak wasangka, kekeliruan dan keraguan yang terbuku di hati.

Pada contoh 2, frasa *mendidih darahku* tidak membawa erti taukid, tetapi penutur Melayu secara kreatif mengaitkan konsep *mendidih* dan *darah* sebagai simbol perasaan marah - bertepatan dengan suhu air panas ketika mendidih 99.3 darjah selsius dan sifat merah pada darah sebagai lambang keberanian melawan apa juga cabaran. Gabungan frasa ini menjadikan ayat tersebut bernuansa taukid bilamana dilihat dalam konteks kemarahan. Selain elemen darah, konsep taukid dalam budaya Melayu kerap dikaitkan dengan organ *hati* (contoh 3), *mulut* (contoh 4), *kaki* dan *rambut*. Organ hati sangat diperhatikan penutur Melayu seperti terdapat dalam pantun, simpulan bahasa, bidalan dan peribahasa. *Hati* dikaitkan dengan perasaan sayu, sedih, duka, lara dan gembira. Namun *hati* untuk maksud penegasan sangat jarang dikupas. Pada contoh 4, *hati* dipadankan dengan *hancur luluh*. Padahal untuk memahamkan khalayak memadai kita mengatakan *Mak Busu sangat kecewa dengan sikap anaknya yang lupa daratan*. Uniknyanya ayat ini kerana didahului dengan *hancur luluh* untuk memberi kesan puitika agar lebih terasa dan lebih membekas. Kesan retorik ayat ini akan terasa hambar jika ditulis dalam struktur ayat yang lazim atau klise.

Satu lagi aspek yang menarik, ayat ini menggunakan dua kata yang sama makna, iaitu *hancur* dan *luluh*. Penggunaan dua kata yang sama makna tetapi berbeza sebutan atau simetri merupakan ciri eksotik taukid Melayu. Uslub ini juga banyak ditemui dalam gaya mubalaghah al-Quran, namun kajian linguistik Melayu sangat kurang mengaitkan elemen ini sebagai sejenis seni dalam ilmu retorik. Demikian pula frasa *berbueh mulut* pada contoh 5 menyerlahkan aspek estetika bilamana bueh-bueh halus yang terhasil daripada kelenjar air liur diperhatikan oleh penutur Melayu dalam dua dimensi; luaran dan dalaman. Dimensi luaran sebagai sifat normal manusiawi, manakala dimensi dalaman sebagai taukid berkias untuk merujuk orang yang sangat banyak bercakap atau memberi nasihat.

Menurut Za'ba (2000) penggunaan bahasa kiasan menjadikan sesuatu maksud dalam bahasa Melayu lebih terang dan mencerminkan sentuhan 'mata hati' yang tajam. Melalui perbandingan berkias ini, ungkapan yang diguna bagaikan gambar lukisan yang nyata, selain untuk

menajamkan sesuatu karya supaya lebih senang ditangkap oleh pembaca atau pendengar. Dengan kata lain, salah satu motif bahasa kiasan dalam seni retorik Melayu adalah untuk menarik minat penerima ujaran supaya motif-motif yang disampaikan bukan sahaja mudah difahami tetapi berkesan.

Jika dilihat dengan lebih dekat dalam Jadual 1, terdapat keragaman dari segi panjang pendek frasa-frasa tersebut iaitu kiasan dengan tiga perkataan (contoh 4), atau dengan dua perkataan (contoh 1, 2, 3, dan 5). Amat jarang taukid kiasan dalam bahasa Melayu menggunakan hanya satu patah perkataan. Antara taukid dengan satu kata yang sangat popular dalam masyarakat Melayu ialah ungkapan *kacang* (contoh 6). Perkataan ini meskipun cuma dua sukukata dan mudah disebut tetapi kesan maknanya lebih membekas kepada hati pendengar berbanding jika digantikan dengan ungkapan *sangat senang*. Bijirin kacang secara kiasan mendeskripsikan kreativiti penutur Melayu yang cekap mengambil pedoman dari alam sekeliling dalam mengungkap metafora-metafora yang sarat dengan nilai murni, tepat, didaktik, santun dan tidak menyinggung perasaan. Ungkapan *kacang* dipilih sebagai penegas kiasan kerana bijirin ini sudah intim dalam budaya Melayu dan menepati konsep *sangat senang* kerana saiznya yang kecil, mudah diperolehi, digenggam dan dimamah hingga hancur.

Manakala pada contoh 7, *Tuhan saja yang tahu* merupakan frasa yang begitu mesra dengan penutur Melayu sebagai ikhtiar terakhir meyakinkan lawan bicara tatkala semua alasan sudah tidak dipercayai. Hal demikian kerana secara fitrah semua manusia menyakini bahawa Tuhan sentiasa benar, tulus dan tidak berbohong. Strategi ini menyamai budaya masyarakat Arab sejak zaman Jahiliyah yang gemar menyandarkan kalimah *Wallahi* (demi Allah) dalam ujaran untuk menguatkan sesuatu maksud supaya lebih diyakini pendengar. Konsep sumpah (القَسْمُ) merupakan suatu kaedah memberi penegasan dalam tatabahasa Arab.

Dalam kategori ini, jelaslah kiasan *berpeluh*, *susah hendak dibayangkan*, *berbueh mulut* dan *kacang* tergolong dalam mubalaghah *tabligh* yakni taukid hiperbola yang difahami maknanya dan perkara ini boleh berlaku dalam kehidupan normal. Sebaliknya frasa *mendidih darahku* dan *hancur luluh hati* tergolong dalam mubalaghah *ighraq* kerana secara logik, darah dalam tubuh manusia tidak boleh mendidih seperti air yang dimasak. Begitu juga hati tidak mungkin hancur luluh dalam keadaan seseorang masih bernyawa. Dengan kata lain, hiperbola jenis *ighraq* secara logik tidak boleh berlaku, tetapi dari segi kiasan frasa ini dapat difahami akal sebagai sejenis penegasan dalam ilmu taukid Melayu.

## Taukid Berkias Pada Hujung Ayat

Taukid berkias pada hujung ayat turut melibatkan sifat manusiawi sebagai sandaran untuk menerbitkan makna penegas dengan lebih efisien. Gambaran ini dapat diperhatikan pada contoh-contoh taukid berkias dalam Jadual 2 berikut:

**Jadual 2: Taukid Kiasan Dengan Ciri Mubalaghah Pada Hujung Ayat**

Kod	Taukid Kiasan Bahasa Melayu	Makna Harfiah	Ciri Mubalaghah
8	sedapnya hingga <i>menjilat jari</i>	rasa yang <i>sangat</i> sedap	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ التَّنْبِيغِ (ayat ini mengandungi mubalaghah <i>tabligh</i> /hiperbola yang difahami dan boleh berlaku)



9	sakitnya terasa hingga <i>ke tulang sum-sum</i>	rasa sakit yang <i>amat</i> mendalam/menyiksa	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ التَّبْلِيغِ (ayat ini mengandungi <i>mubalaghah tabligh</i> /hiperbola yang difahami dan boleh berlaku)
10	rindu adik kepada papa sampai <i>termimpi-mimpi</i>	perasaan yang <i>sangat</i> rindu	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ التَّبْلِيغِ (ayat ini mengandungi <i>mubalaghah tabligh</i> /hiperbola yang difahami dan boleh berlaku)
11	kata-katanya begitu <i>menikam kalbu</i>	perasaan yang <i>sangat</i> <i>tersinggung</i>	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ الْإِعْرَاقِ (ayat ini mengandungi <i>mubalaghah ighraq</i> /hiperbola yang difahami dan tidak boleh berlaku)
12	perilaku budak itu mampu <i>mencairkan hati</i> sesiapa sahaja	tingkah laku yang <i>sangat</i> terpuji	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ الْإِعْرَاقِ (ayat ini mengandungi <i>mubalaghah ighraq</i> /hiperbola yang difahami dan tidak boleh berlaku)
13	daku memohon maaf <i>dari hujung rambut</i> sampai <i>hujung kaki</i>	pengharapan yang <i>sangat</i> tinggi hingga ke batas maksimum	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ التَّبْلِيغِ (ayat ini mengandungi <i>mubalaghah tabligh</i> /hiperbola yang difahami dan boleh berlaku)

Pada contoh 8, kesan penegasan kata *sedap* akan pudar jika frasa *menjilat jari* digugurkan atau diganti dengan *sangat* atau *amat*, seperti; ayam goreng itu *sangat sedap*. Ayat ini walaupun gramatis tetapi kesan penegasan yang terhasil masih pada tingkat sederhana. Namun tatkala perbuatan *menjilat jari* disandarkan dengan kata *sedap*, maka ayat tersebut menyerlahkan makna penegas yang amat kukuh kerana pembaca dapat membayangkan rasa sedap yang menguja selera menerusi gerakan jari menjilat-jilat makanan yang masih tersisa. Jelas bahawa sesuatu frasa dalam bahasa Melayu boleh membawa makna taukid yang jitu apabila dipertautkan dengan kata adjektif yang sesuai. Hakikat ini membuktikan bahawa pada situasi tertentu, penutur Melayu tidak menggunakan kata *amat*, *sangat*, *sunnguh*, *paling* atau imbuhan *ter-* supaya kesan ekspresi sesuatu ungkapan dapat memberi imajinasi yang lebih tajam dan membekas. Langgam ayat sedemikian digunakan oleh penutur Melayu sebagai upaya menyulam daya kreatif dan kesantunan dalam berbicara. Hal ini menepati objektif ilmu balaghah iaitu memberi bekas kepada pada akliah, kalbu, imajinasi dan minda penerima semasa berkomunikasi (Muhamad Zamroji, 2017).

Pada frasa taukid ke-9, *tulang sum-sum* atau *sum-sum tulang* dijadikan elemen penegas kerana kedudukannya yang sangat penting. *Sum-sum tulang* ialah sejenis tisu separa pepejal yang boleh dijumpai dalam bahagian berspan tulang. Ia merupakan tapak utama pembuatan sel darah merah (*hematopoiesis*) pada unggas dan mamalia di mana ia terdiri daripada sel hematopoetik, tisu adipos sum-sum dan sel stroma penyokong ([https://ms.wikipedia.org/wiki/Sumsum\\_tulang](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sumsum_tulang)).

Sebagai tisu yang sangat sensitif, sebarang kecederaan yang menebus ke sum-sum tulang akan menatijahkan rasa sakit yang amat sangat. Jika frasa *sum-sum tulang* digugurkan, ungkapan

*sakitnya* tidak begitu terasa. Hal demikian kerana motif utama frasa ini untuk memberi kesan rasa yang optimum kepada naluri pembaca. Frasa ini menyerlah keunggulan seni retorik Melayu dalam melantunkan kata-kata sehingga tisu-tisu tulang yang begitu kompleks dan saintifik turut diamati dan dianalogi sebagai kiasan kepada erti kehidupan sehari-hari. Tegasnya, dalam proses kreatif, orang Melayu bukan sahaja berguru dengan alam sekeliling, tetapi juga dengan diri mereka sendiri daripada tulang belulang, rambut, kaki, tangan, hati, muka, mata, mulut, perut, jantung dan pelbagai organ tubuh manusia yang lain.

Demikian pula pada contoh 10, kerinduan adik kepada papa digambarkan begitu mendalam dengan mengikat frasa kerinduan pada kalimat *termimpi-mimpi*. Tanpa kalimat ini, kerinduan adik hanyalah kerinduan biasa yang tidak akan menyentuh deria rasa pembaca. Taukid jenis ini mengandungi *mubalaghah tabligh* atau hiperbola yang difahami dan boleh berlaku dalam kehidupan normal.

Seterusnya pada contoh 11, *kata-kata* yang kaku dan abstrak telah diberi sifat bergerak seperti seorang pahlawan yang hebat, bersenjata, tangkas bersilat, lalu *menikam kalbu* si pembaca. *Kata-kata* akan terus menjadi benda mati seperti entri di dalam kamus jika tidak diberi sifat manusiawi. Demikianlah bagaimana seni retorik memanipulasi bahasa untuk memberi kesan ekspresi yang mendalam bagaikan kita sedang menonton filem pertarungan yang hebat di kaca TV; heronya adalah *kata-kata*, antoganisnya adalah *kalbu pembaca* yang bila bertemu akan melahirkan penegas kata yang sangat estetika – jauh melampaui penegas kata dalam hukum tatabahasa. Pada contoh 13, frasa *dari hujung rambut sampai hujung kaki* mendeskripsi suatu permintaan yang *solid* sampai pada batas penghabisan. Penutur Melayu gemar menjadikan hujung rambut sebagai pembatas teratas dan hujung kaki sebagai pembatas terbawah. Batas-batas ini melambangkan hasrat hati penutur yang sangat mendalam yang sekali gus menuntut pertimbangan teliti, belas kasihan dan keprihatinan maksimum dari penerima yang disasarkan.

Dalam konteks ilmu badi', frasa-frasa penegas dalam Jadual 2 seperti *menjilat jari, ke tulang sum-sum, termimpin-mimpi, dari hujung rambut sampai hujung kaki* merupakan mubalaghah *tabligh* kerana semua hiperbola tersebut boleh difahami dalam bentuk perbuatan, organ, tisu-tisu atau sel-sel yang memang wujud seperti sum-sum di dalam tulang, rambut, jari di hujung kaki dan boleh berlaku dalam kehidupan normal. Berbeza dengan leksis *menikam kalbu* dan *mencairkan hati*. Kedua-duanya merupakan mubalaghah *ighraq* kerana meskipun unsur hiperbola yang disandar boleh difahami, tetapi secara logik tidak boleh berlaku dalam kehidupan sebenar.

Jika kita menelusuri pula teks Hikayat Hang Tuah (2000), maka kita akan menemui konsep yang sama seperti contoh-contoh yang telah dibincangkan. Pengarang silam menukulkan taukid berkias dengan tujuan menegaskan sesuatu makna, meranumkan bahasa serta motif-motif cerita yang multifungsional. Malah, dapat dikatakan pengarang karya agung Melayu cenderung membungkakan ceritera dengan taukid berkias sama ada dengan kata *jangan, barang, bukan* ataupun dengan mengkiaskan pada unsur-unsur alam seperti *laut* sebagaimana contoh dalam Jadual 3 berikut:

### Jadual 3: Taukid Kiasan Dengan Ciri Mubalaghah Dalam Hikayat Hang Tuah

Jadual 3: Taukid Kiasan Dengan Ciri Mubalaghah Dalam Hikayat Hang Tuah

Kod	Taukid Kiasan	Makna Harfiah	Ciri Mubalaghah Dalam Ilmu Badi'
-----	---------------	---------------	----------------------------------

14	...dan tahu pada bermain senjata <i>jangan dikatakan lagi</i> ; sukarlah kita mengenai."...	<i>sangat</i> cekap bermain senjata	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ التَّبْلِيغِ (ayat jenis <i>mubalaghah tabligh</i> /hiperbola yang difahami dan boleh berlaku)
15	... <i>barang sesaat pun tiada bercerai</i> : jika mandi pun sama-sama, jika tidur pun diselimuti...	hubungan persahabatan yang <i>sangat</i> intim	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ التَّبْلِيغِ (ayat jenis <i>mubalaghah tabligh</i> /hiperbola yang difahami dan boleh berlaku)
16	Maka penghulu Singapura pun datang dari Singapura tujuh buah dendang, <i>musuh pun lari melaut</i> .	musuh yang <i>sangat</i> takut atau gementar	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ التَّبْلِيغِ (ayat jenis <i>mubalaghah tabligh</i> /hiperbola yang difahami dan boleh berlaku)
17	Laksamana itu <i>bukan barang-barang orang</i> dan <i>bukan barang-barang hulubalang</i> dengan beraninya dan bijaksana; syahdan tahunya pada ilmu firasat dan ilmu penjurit; dan tahu pada bermain senjata <i>jangan dikata lagi</i> ..	hulubalang yang <i>sangat</i> hebat dalam pelbagai ilmu	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ التَّبْلِيغِ (ayat jenis <i>mubalaghah tabligh</i> /hiperbola yang difahami dan boleh berlaku)
18	Kasih bonda akan tuan jika <i>ke laut api sekalipun</i> nescaya bonda ikut juga tuan."	kasih sayang yang <i>sangat</i> kuat melampaui batas normal	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ التَّبْلِيغِ (ayat jenis <i>mubalaghah tabligh</i> /hiperbola yang difahami dan boleh berlaku)
19	Maka Laksamana pun terlalu karib kepada raja, <i>keluar masuk tiada berpintu lagi</i> .	keakrapan hubungan yang <i>sangat</i> intim	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ الْإِغْرَاقِ (ayat jenis <i>mubalaghah ighraq</i> /hiperbola yang difahami dan tidak berlaku)
20	...jangan empat puluh orang mengamuk itu, jika <i>empat puluh ribu sekalipun</i> tiada patik edahkan."	semangat kepahlawanan yang <i>sangat</i> luar biasa	الْجُمْلَةُ تَحْتَوِي عَلَى أَسْلُوبِ الْمُبَالَغَةِ مِنْ قِسْمِ التَّبْلِيغِ (ayat jenis <i>mubalaghah tabligh</i> /hiperbola yang difahami dan boleh berlaku)

Frasa taukid dalam Jadual 3 menunjukkan bentuk taukid berkias dalam Hikayat Hang Tuah yang beragam bentuk sama ada taukid pada awal, tengah dan akhir ayat. Pada contoh 14, pengarang memerikan kehebatan Hang Tuah bermain senjata menerusi *jangan dikatakan lagi* yang bermaksud sudah tidak dapat dipertikaikan lagi akan kehandalan Hang Tuah dalam kalangan masyarakat zaman itu. Manakala pada contoh 15, *barang sesaat pun tiada bercerai* menegaskan keintiman yang sangat ampuh - merujuk kasih sayang antara Sang Perta Dewa dengan isterinya Tuan Puteri Kemala Pelinggam yang tiada bandingan hingga melebihi batas kasih sayang manusia biasa.

Pada contoh 16 pula dipaparkan ketokohan dan kewibawaan penghulu Singapura yang sangat digeruni musuh. Diceritakan setelah melihat kedatangan Penghulu Singapura dengan tujuh

buah dendang, musuh yang cuba membuat onar di Palembang lari bertempiran akibat takut dan jumlah mereka sangat ramai itu dikiaskan menerusi kata *melaut* atau seluas lautan. Berbeza pula contoh 17, pengarang Hikayat Hang Tuah menggunakan kiasan berganda dengan mengulang frasa *bukan barang-barang* dan *jangan barang-barang* bagi mendeskripsi perwatakan, keilmuan dan keperwiraan Hang Tuah yang tidak dimiliki oleh kebanyakan pendekar zaman itu. Tidak cukup dengan dua frasa taukid - *bukan barang-barang* dan *jangan barang-barang*, pengarang menambah taukid ketiga menerusi *jangan dikatakan lagi* bagi mengukuh keyakinan pembaca sampai batas maksimum sekali gus menghapus sama sekali keraguan yang masih tersisa dalam kalbu pembaca.

Jika diteliti, ayat pada contoh ini agak unik kerana menggunakan tiga taukid dalam satu ayat yang lengkap. Pengarang Hikayat Hang Tuah dalam usahanya menonjolkan keperwiraan Hang Tuah dalam bentuk yang luar biasa jelas telah dipengaruhi oleh teknik balaghah Arab yang membenarkan pemakaian beberapa partikel atau frasa taukid dalam satu ayat yang sempurna sama ada daripada taukid jenis maknawi atau taukid jenis lafzi. Senario ini menjadi ciri istimewa teks-teks klasik dan epik Melayu yang sukar ditemui dalam kesusasteraan Melayu moden baik dalam novel, cerpen atau karangan non-kreatif. Hal ini mungkin disebabkan rumus tatabahasa Melayu moden belum menerima penggunaan tiga atau lebih kata penguat dalam satu ayat yang lengkap. Daripada sampel kajian menunjukkan hanya mubalaghah jenis *tabligh* atau *ighraq* yang banyak diaplikasi oleh pengarang, manakala penggunaan mubalaghah *ghuluww* yakni hiperbola yang tidak mungkin berlaku menurut akal atau adat didapati amat kecil bilangannya dalam kedua-dua sampel. Namun begitu, dalam konteks ilmu tauhid, segala yang mustahil pada logik akal dan adat boleh berlaku jika Allah SWT menghendaki seperti yang tercatat dalam kisah para nabi dan Rasul.

Secara keseluruhan dapat dikatakan bahawa proses kreatif pengarang Melayu lama lebih rencam berbanding pengarang Melayu hari ini di mana unsur-unsur kiasan dan mubalaghah yang dipengaruhi ciri balaghah Arab lebih mendominasi berbanding teks-teks moden yang lebih dipengaruhi gaya retorik Barat khususnya daripada bahasa Inggeris. Dari segi motif, pengarang dahulu menyerapkan unsur balaghah Arab dalam karya-karya mereka dengan tujuan memartabatkan bahasa Melayu daripada bahasa beraksara Rencong kepada bahasa beraksara Arab (Jawi) yang sangat mirip dengan gaya bahasa al-Quran.

Pertukaran aksara ini menjadikan bahasa Melayu bertulisan Jawi menyerap nilai-nilai islami yang tidak dapat dipisahkan dengan nilai-nilai Quranik yang penuh keberkatan itu. Tanpa menafikan sumbangan ilmu linguistik dan kesusasteraan selama ini, apa yang amat diperlukan ketika ini ialah mengupayakan agar bidang retorik yang terpinggir dalam pengajian Melayu kontemporari diperkasakan bagi menangani isu-isu berkaitan keindahan bahasa Melayu secara holistik. Antara cadangan ialah menerbitkan buku pegangan dalam bidang tatabalaghah Melayu sebagaimana buku-buku ilmu balaghah Arab supaya dapat dijadikan petunjuk oleh segenap lapisan masyarakat dan pencinta bahasa Melayu di seluruh dunia.

## Kesimpulan

Elemen taukid sudah lama berkembang mekar dalam bahasa Melayu antaranya jenis berkias. Yang membezakan taukid dalam bahasa Melayu dengan bahasa Arab adalah dari segi pemetaan ilmu. Taukid dalam sistem bahasa Arab sudah terhimpun kukuh dalam ilmu nahu dan balaghah, manakala taukid dalam bahasa Melayu masih terkurung dalam rumus nahuan yang terhad dan statik. Tumpuan kepada teori dan dikotomi retorik Barat dalam mencari jawapan akan nilai estetika Melayu haruslah difikirkan semula dengan melihat kembali falsafah ilmu dalam masyarakat Melayu klasik yang lebih mendekati konsep dalam balaghah Arab. Hal ini lebih dibimbangi

apabila kita memikirkan taukid-taukid kiasan yang indah dan amat bernilai ini lambat laun akan pupus atau terus terbenam dalam lumpur masa. Untuk itu suatu usaha yang komprehensif harus dilakukan untuk mencungkil, menggilap dan mempersembahkan khazanah bangsa Melayu yang tidak ternilai ini dalam rupa yang lebih elegan, kreatif dan inovatif.

## Rujukan

- Abd al-Rahman Hasan Habnakah al-Maidani. (1996). *al-Balaghah al-Arabiyyah: Ususuha wa Ulumuha wa Fununuha*. Beirut: Al-Dar al-Syamiyah.
- Abdul Kadir Husain. (1977). *Fan al-Balaghah*. Kaherah: Muassasah al-Risalah.
- Abdul Wahid Salleh. (2006). *Ilmu Al-Ma'ani*. Kuala Terangganu: Bayt al- Hikmah.
- Abdullah Hassan et al., (2016). *Sintaksis, Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Akademia.
- Abu Hassan Abdul. (2015). *Pendisiplinan Ilmu Retorik Melayu: Pengamatan Terhadap Seni Majaz Dalam Bahasa dan Budaya Melayu*. Prosiding Seminar Bahasa Melayu Dalam Konteks Budaya, 26-28 Mei 2015 di Goethe University, Frankfurt, Jerman.
- Ahmad al-Hashimi. (2008). *Jawahir al-Balaghah*. Beirut: Muassasah al-Ma'arif.
- Al-Marāghiy, Aḥmad Muṣṭafā. (1993). *‘Ulūm al-Balāghah: al-Bayān wa al-Maāniy wa al-Badī‘*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Sakkākiy, Abū Ya‘qūb Yūsuf bin Abī Bakr Muḥammad bin ‘Ali. (1983). *Miftāḥ al-‘Ulūm*. (1983). *sunt. Na‘īm Zarzūr*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- AM Hidayatullah. (2004). *Emphasis Proposisional*. *Jurnal Al-Turas*, Vol. 10, No. 1, Januari 2004, Fakultas Adab dan Humaniora, Jakarta: Universitas Islam Jakarta (UIN) Syarif Hidayatullah.
- Amida Abd Hamid (2014). *Retorik, Yang Indah Itu Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arndt Graf. (2002). *Bibliografi Retorik Melayu Beranotasi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2014). *Za’ba: Ahli Fikir dan Ahli Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Balkis Hj Abu Bakar et al. (1999). *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab – Melayu, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- E.W. Lane. (1984). *Arabic-English lexicon*. England: Islamic Texts Society Trust.
- Hassan Alwi et al. (2000). *Tatabahasa Baku Bahasa Indonesia*, Jakarta: Balai Bahasa Indonesia.
- Henri Chambert-Loir. (2012). *Jejak Budaya Melayu Dalam Naskhah*. Prosiding Seminar International Festival Seni Melayu Asia Tenggara, ISI Padangpanjang Press.
- Hikayat Hang Tuah. (2000). Eds. Kassim Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Ḥusayn, ‘Abd al-Qādir. (1984). *Fann al-Balāghah*. Beirut: Ālam al-Kutub.
- Ibn ‘Āsyūr, Muḥammad al-Ṭāhir. (1984). *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: al-Dār al-Tūnisiyyah li al-Nasyr.
- Nik Safiah et al. (2013). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurwahdi. (2016). *Partikel Penegas (Nun Taukit) pada Fiil Mudari’ dan Maknanya Dalam al-Quran*. *Jurnal Ulunnuha*. Vol.6. No. 2. 32-40.
- Raja Ali Haji. (2005). *Bustanul al-Katibin*. Edisi Rumi. Kuala Lumpur: Yayasan.

Raja Ali Haji. (2005). Kitab Pengetahuan Bahasa. Edisi Rumi. Kuala Lumpur:  
Za'ba. (1934). Ilmu Mengarang Melayu. Edisi Jawi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
[Online]: ([https://ms.wikipedia.org/wiki/Sumsum\\_tulang](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sumsum_tulang)) (akses pada 20 Mac 2020).